

## APUCEN eratkan hubungan masyarakat kampus dengan komuniti luar



Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad), Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat juluang kalinya terlibat dalam program Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN) yang diadakan pada 13 hingga 14 Julai 2011 bertempat di The Gurney Hotel, Pulau Pinang yang melibatkan beberapa buah universiti dalam dan luar negara untuk turut serta dalam pameran tersebut.

Bertemakan “*Moving Forward Through University-Community Engagement*”, APUCEN dilihat mampu menjadi pemangkin dalam mengeratkan hubungan masyarakat kampus dengan komuniti luar melalui penganjuran program-program khidmat masyarakat dan sukarelawan.

Dalam program kokurikulum, UMP turut diwakili oleh Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin sebagai salah seorang ahli jawatankuasa APUCEN.

Menurut Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Saifuddin Abdullah, beliau menyokong usaha baik setiap universiti dalam memberikan khidmat bakti kepada masyarakat setempat yang membuktikan bahawa universiti bukan sahaja sebagai sebuah entiti memberi pendidikan tetapi turut melahirkan insan yang prihatin dengan keadaan masyarakat sekeliling.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan program APUCEN 201. Beliau juga turut menyatakan pujian dan penghargaan buat UMP sewaktu melawat gerai pameran UMP, di atas usaha yang dilakukan oleh mahasiswa menerusi program Kembara Hati Siswa, Kampung Nyentil anjuran Sekretariat Mahasiswa Anak Pahang yang berkampung selama 4 empat hari di kawasan berkenaan.

Selain itu, program kemasyarakatan di kampung Nyentil juga turut mendapat perhatian daripada universiti lain kerana kesungguhan mahasiswa dan pihak universiti dalam menyediakan kemudahan asas di kampung tersebut seperti pembinaan tandas, pemeriksaan kesihatan, baikpuluh gelanggang takraw dan sebagainya.

